



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (04 DISEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **satu (1) kes** positif COVID-19 dikesan di Kuching, Sarawak. Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,067 kes.**

A. Kes Baharu COVID-19

I. Daerah Kuching (1 Kes Baharu)(Kes Import A)

a) Kes Saringan Sebelum Masuk Kerja

Kes 1,067 merupakan seorang lelaki warganegara Indonesia dari Kalimantan, Indonesia yang telah membuat saringan sendiri di sebuah makmal perubatan swasta di Bandaraya Kuching sebelum memulakan kerja sebagai pembantu kedai di Bandaraya Kuching.

Kes telah menjalani saringan rT-PCR COVID-19 pada 1 Disember 2020 dan keputusan ujian rT-PCR mendapati beliau positif COVID-19 pada 3 Disember 2020. Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda dan gejala jangkitan COVID-19. Kes juga telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

Berdasarkan siasatan awal, kes ini yang berasal dari Kalimantan, Indonesia telah memasuki Sarawak pada pertengahan bulan November 2020. Kes dipercayai memasuki negara ini **secara tidak sah** kerana tiada data kemasukkan kes ke Sarawak. Kes juga tiada sejarah saringan COVID-19 sebelum ini.

Setiba di Sarawak, kes bersama beberapa orang rakan yang lain telah menjalani kuarantin sendiri selama 14 hari di sebuah rumah sebelum menjalani ujian saringan COVID-19 pada 1 Disember 2020. Kes tidak mempunyai kontak rapat kepada mana-mana kes positif COVID-19 yang telah dikenal pasti sebelum ini.

Kes ini masih dalam siasatan lanjut dan pengesanan kontak-kontak kepada kes ini sedang giat dikesan. Sehingga siasatan lengkap diperolehi, kes ini dikategorikan sebagai kes import A iaitu telah mendapat jangkitan semasa berada di negara asal kes (Indonesia) berdasarkan sejarah kemasukkan kes ini ke Sarawak.

B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Hari ini, **tiada kluster baharu dilaporkan.** Terdapat enam (6) kluster yang masih aktif di Sarawak seperti berikut:

- i) **Kluster Besi, Kuching** : kes positif kekal 12 orang termasuk kes indeks.
- ii) **Kluster Jalan Abell, Kuching** : kes positif kekal 15 orang termasuk kes indeks.

iii) **Kluster Baki, Kuching** : kes positif kekal 33 orang termasuk kes indeks.

iv) **Kluster Seladah, Kuching** : kes positif kekal sembilan (9) orang termasuk kes indeks.

v) **Kluster Greenhill, Kuching** : kes positif kekal 91 orang termasuk kes indeks.

vi) **Kluster Wisma Saberkas, Kuching** : kes positif kekal 44 orang termasuk kes indeks.

C. Status Kes COVID-19 di dalam Wad Pengasingan Hospital.

Terdapat satu (1) kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital hari ini iaitu dari Hospital Miri. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj meningkat kepada **1,033** orang atau **96.81%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **15** orang iaitu:

- Sepuluh (10) kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- Tiga (3) kes di Hospital Miri; dan
- Dua (2) kes di Hospital Sibul.

Hari ini, **terdapat 31 PUI** baru telah dilaporkan dan **dua (2) PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, **Daerah Miri telah bertukar daripada status Kuning kepada status Hijau** setelah tiada kes jangkitan tempatan telah dikesan atau dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.

Daerah Kuching dan Serian kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan **tiga (3)** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu Kuching (2) dan Serian (1). Manakala 37 buah daerah lain kekal berstatus Hijau.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **10 notis kompaun** di Kuching (5), Betong (2), Miri (2) dan Samarahan (1).

Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **124 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu MPP (32), DBKU (28), SMC (28), MD Marudi (18), BDA (6), MD Serian (5), MBKS (2), MPKS (2), MB Miri (2) dan MDMJ (1).

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini, sebanyak **1,306 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (156), Restoran (270), Kilang (11), Bank (106), Pejabat Kerajaan (42), Penjaja (31), Pasar Tani/Awam (55), Tempat Ibadah (55), Tempat Riadah (37), Tapak Pembinaan (23) dan lain-lain (520).

Seramai **574 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (267), ATM (40), RELA (128), APM (84), PBT (52) dan KKM (3).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,910** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak, Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

04 DISEMBER 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN**1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Previous Cases		1066	Total Cases still in ward	15	1.41%
New Cases		1	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu		185,162	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases		1067	Total Death Cases	19	1.78%
IR per 100,000 population		34.59	Recovered and discharged cases	1,033	96.81%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	Patient Under Investigation (PUI)	New	Cummulative
Negative	28	9,765		31	10,834
Pending Result	2	2			

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	10	2	0	3	0	15
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	0	0	0	1	1
	Cummulative	865	41	49	76	1033
Total re-admission cases (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	29	7,305	1	713	0	692	0	12	9	7	2
2	Serian	0	328	0	26	0	25	0	0	0	1	1
Jumlah		29	7633	1	739	0	717	0	12	9	8	3

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Miri	0	911	0	58	0	56	0	1	1	0	0
2	Lawas	0	28	0	10	1	10	0	0	0	0	0
3	Lundu	0	262	0	7	0	7	0	0	0	0	0
4	Limbang	0	35	0	13	0	10	0	1	2	2	0
5	Samarahan	0	599	0	116	0	112	0	4	0	0	0
6	Bintulu	0	326	0	49	0	49	0	0	0	0	0
7	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
8	Sibu	0	124	0	19	0	17	0	0	2	2	0
9	Bau	0	184	0	7	0	7	0	0	0	0	0
10	Simunjan	0	66	0	8	0	8	0	0	0	0	0
11	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
12	Tebedu	0	8	0	3	0	3	0	0	0	0	0
13	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
14	Sri Aman	0	56	0	4	0	3	0	1	0	0	0
15	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
16	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
19	Saratok	2	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		2	3,201	0	328	1	316	0	7	5	4	0

Jumlah Besar	31	10,834	1	1,067	1	1,033	0	19	14	12	3
---------------------	-----------	---------------	----------	--------------	----------	--------------	----------	-----------	-----------	-----------	----------

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **202 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **39 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **3,940 orang**. Manakala seramai **35,800 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 04.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (2,206)	Hock Lee	98
2		Grand Dormani	64
3		Kuching Park	46
4		Pullman	428
5		Hilton	237
6		Harbour View	145
7		Riverside (Astana Wing)	181
8		Grand Margherita	309
9		Imperial Boulevard	260
10		Tune Hotel	44
11		Dormani Hotel	18
12		Grand Continental	147
13		Meritin	40
14		Longhouse	86
15		Abell	58
16		Lot 10	45
17	Miri (939)	Mega Hotel	122
18		Somerset	31
19		Imperial Palace	180
20		Eastwood Valley	82
21		Paragon	56
22		Meritz	147
23		Miri	36
24		Dynasty	137
25		Kenyalang Suite	40
26		Citi Hotel	38
27		Nova	70
28	Bintulu (254)	Wasan Inn	17
29		Fairfield by Marriot	107
30		Kidurong Inn	39
31		Motel Kapok	37
32		Faber Inn	26
33		AA Inn	28
34	Limbang (262)	Purnama	144
35		Seri Malaysia (Lawas)	92
36		Mandarin (Lawas)	26
37	Sibu (161)	Premier	161
38	Samarahan (118)	INFRA	54
39		Kolej Rafflesia, UNIMAS	64
Jumlah PUS			3,940

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **5 lokasi di Kuching (4) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,037 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 04.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	4	687
2	Miri	1	406
3	Sibu	TIADA	190
4	Samarahan	TIADA	132
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	118
7	Limbang	TIADA	95
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	59
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
Jumlah Keseluruhan			2,037

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **44 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 04.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	MP Padawan	1
2	MD Serian	3
3	MP Sibu	9
4	BDA	3
5	MCC	15
6	MD Marudi	5
7	MD Lawas	8
Jumlah		44